

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Jerebu bakal berakhir	Utusan Malaysia
2	RM1.45j untuk benih awan	Harian Metro
3	Status kualiti udara seluruh negara makin baik	Berita Harian
4	Hujan lenyapkan jerebu beransur-ansur	Harian Metro
5	Ribut tropika lenyap, kualiti udara lebih baik	Bernamea.com
6	Wan Junaidi: No haze in country until Monday	New Straits Times
7	Angkasa nafi bumi bergelap selama 15 hari	Kosmo
8	ANGKASA nafi dakwaan bumi bergelap 15 hari	Harian Metro
9	ANGKASA nafi dakwaan bumi bergelap 15 hari	Bernamea.com
10	We should balk at bauxite mining	New Straits Times
11	Cavalier attitude a letdown	New Straits Times
12	Mampu Menang Anugerah 'Excellence In Analytics Agency Of The Year' Pada Anugerah OpenGov Asia	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 9 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

Jabatan Meteorologi ramal cuaca lembap landa negara

Jerebu bakal berakhir

Oleh AHMAD SHAZWAN
MD. YUSOF

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 OKT.

KESENGSARAAN rakyat Malaysia yang terpaksa menanggung pelbagai masalah akibat jerebu bakal berakhir apabila Jabatan Meteorologi meramalkan keadaan cuaca lembap akan melanda negara ini sekaligus membantu membersihkan saki baki jerebu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, negara dijangka menerima tiupan angin yang lemah daripada pelbagai hala sehingga 12 Oktober ini yang akan menyebabkan keadaan cuaca lembap dan hujan di beberapa kawasan negeri pantai barat Semenanjung.

Katanya, taufan Mujigae yang berakhir kelmarin kembali merubah cuaca seperti sedia kala dan dijangka berterusan sehingga awal November ini dan kemudiannya disusuli musim tengkujuh.

"Kita kembali mendapat cuaca lazim musim antara monsun dengan angin lemah pelbagai hala dan cuaca yang lebih lembap terutama

bagi negeri-negeri di pantai barat Semenanjung. Angin-angin ini tidak lagi membawa jerebu dari Indonesia dan cuaca lembap akan membantu membersihkan jerebu sedia ada.

"Cuaca ini dijangka kekal sehingga awal November ini tetapi dengan syarat tiada lagi pembentukan ribut tropika baharu di rantau ini yang boleh memberi impak kepada corak tiupan angin," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.



CHE GAYAH ISMAIL

Sementara itu, Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan dalam portal Jabatan Alam Sekitar mendapati, kawasan yang mencatat bacaan sederhana menurun kepada 36 berbanding 38 semalam.

Antara kawasan yang mencatatkan bacaan IPU sederhana adalah Shah Alam dengan 84, Nilai (83), Pelabuhan Klang (80), Sekolah Menengah Tanjung Chat, Kota Bharu (79), Seberang Jaya (76), Seri Manjung (76), Bakar Arang (75), Langkawi (75), Alor Setar (75) dan Batu Muda (73).

Dalam pada itu, terdapat dua kawasan di Sarawak mencatatkan bacaan IPU sederhana di Sri Aman (53) dan Bintulu (58) sementara kawasan Tawau, Sabah merekodkan bacaan 54.

info

**BACAAN
IPU 8 OKTOBER
2015 (SEHINGGA
PUKUL 5 PETANG)**

KAWASAN	IPU
Shah Alam	84*
Nilai	83*
Pelabuhan Klang	80*
SMK Tanjung Chat, Kota Bharu	79*
Seberang Jaya 2, Perai	76*
Seri Manjung	76*
Bakar Arang, Sg. Petani	75*
Langkawi	75*
Alor Setar	75*
Batu Muda, Kuala Lumpur	73*

IPU antara 0 hingga 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 301 ke atas (berbahaya).



PEMANDANGAN yang dirakamkan dari Bangunan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) pada pukul 5 petang menunjukkan jerebu semakin kurang selepas hujan di sekitar Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA

RM1.45j untuk benih awan

Kuala Lumpur: Ki-
ra-kira RM1.45 juta di-
belanjakan untuk men-
jalankan operasi pem-
benihan awan bagi me-
ngurangkan situasi je-
rebu yang melanda ne-
gara sejak Julai lalu.

Ketua Pengarah Jaba-
tan Meteorologi Malay-
sia (MetMalaysia) Da-
tuk Che Gayah Ismail
berkata, sepanjang
tempoh operasi itu, 29
pembenihan awan di-
lakukan pihaknya se-
hingga Isnin lalu.

"Kos bagi setiap ope-
rasi pembenihan awan
membabitkan perbelan-
jaan antara RM50,000
dan RM80,000.

"Kos itu merangkumi
sewaan pesawat, bahan
bakar, garam dan kos
operasi berkaitan," ka-
tanya ketika dihubungi.

Menurut Che Gayah,
pembenihan awan per-
tama dijalankan di Sa-
rawak pada Julai lalu
dan berakhir Isnin lalu
di Lembah Klang.

Status kualiti udara seluruh negara makin baik

Kuala Lumpur: Selepas lima minggu negara dilanda jerebu, status kualiti udara di seluruh negara semakin baik apabila 36 kawasan mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana manakala 16 kawasan berada pada tahap baik sehingga jam 5 petang semalam.

Buat kali pertama sejak 4 September lalu, tiada kawasan merekodkan bacaan tidak baik, berbahaya dan sangat berbahaya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, berkata perubahan tiupan angin dari barat daya ke timur laut ketika ini dengan sendirinya mengurangkan jerebu.

Redakan keadaan jerebu

“Tiupan angin ini membawa cuaca lembap dan hujan serta ribut petir pada waktu petang di sekitar pantai barat Semenanjung, sekali gus meredakan keadaan berjerebu.”

“*Tiupan angin ini membawa cuaca lembap dan hujan serta ribut petir pada waktu petang di sekitar pantai barat Semenanjung, sekali gus meredakan keadaan berjerebu*”

Che Gayah Ismail,
Ketua Pengarah
MetMalaysia

bentuk ia akan membawa cuaca kering dan angin kuat dari arah Sumatera dan Kalimantan yang akan menyebabkan jerebu kembali melanda.

dan hujan serta ribut petir pada waktu petang di sekitar pantai barat Semenanjung, sekali gus meredakan keadaan berjerebu.

“Jika tiupan angin berubah kepada keadaan yang kuat, hal ini boleh menyebabkan banjir kilat dan dijangka berakhir pada minggu kedua pada bulan November,” katanya ketika dihubungi.

Che Gayah berkata, tiada ribut yang berdekatan dilaporkan namun sekiranya ribut tropika ter-

Kesan titik panas

Dalam pada itu, menurut kenyataan media Jabatan Alam Sekitar (JAS), semakan di Pusat Meteorologikal Khas ASEAN mengesan satu titik panas dikesan dalam negara iaitu Pahang dan tiga titik panas di Kalimantan serta 121 direkodkan di Sumatera, Indonesia.

Sementara itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyarankan masjid dan surau di seluruh negara mengadakan solat hajat bagi mendoakan masalah jerebu yang melanda negara tidak berpanjangan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Othman Mustapha, dalam satu kenyataan semalam, mencadangkan ia dilakukan selepas selepas solat Jumaat, hari ini.

“JAKIM mengambil inisiatif menerusi masjid utamanya Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin serta seluruh masjid dan surau di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk melaksanakan solat hajat pada 9 Oktober selepas solat Jumaat,” katanya.

Hujan lenyapkan jerebu beransur-ansur

Kuala Lumpur: Kualiti udara di seluruh negara berada pada tahap sederhana apabila semua kawasan merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak melebihi 100.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, pihaknya menjangkakan situasi jerebu ini akan berakhir pertenga-

han bulan ini.

Katanya, berdasarkan corak cuaca sekarang, negara kini mengalami 'inter' monsun iaitu musim antara monsun yang menyebabkan cuaca menjadi lembap.

"Inter monsun yang berlaku menyebabkan negara menerima jumlah hujan le-

bih banyak, jadi hujan ini 'melenyapkan' jerebu sedia ada secara beransur-ansur.

"Jerebu baru juga dijangka tidak akan memasuki negara kita berikutan tiupan angin yang lemah dari pelbagai hala yang tidak akan membentuk ribut tropika baru sehingga awal Novem-

ber berikutan peralihan musim dari Monsun Barat Daya kepada Timur Laut," katanya ketika dihubungi.

Katanya, peralihan kepada Monsun Timur Laut menyebabkan keadaan cuaca serantau menjadi lebih lembap dengan hujan dan ribut petir boleh berlaku pada sebelah

petang dan senja pada satu dua tempat di seluruh negara.

"Semenanjung tidak akan mengalami jerebu lagi kerana ketika ini, angin bertiup dari Laut China Selatan menyebabkan jerebu dari Kalimantan tidak sampai ke negara kita," katanya.

